



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT BERJEMAAH
DAN AKTIVITI PENGIMARAHAN DI MASJID DAN SURAU
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN DALAM TEMPOH
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

1. PUNCA KUASA

- i. Titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong;
- ii. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993;
- iii. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342);
- iv. Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan merangkap Pengarah JAWI; dan
- v. Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. PANDUAN KAWALAN

2.1 Kehadiran jemaah

Kehadiran jemaah dibenarkan mengikut kapasiti sebenar masjid dan surau dengan penjarakan 1.5 meter.

2.2 Kategori jemaah

2.2.1 Warganegara Malaysia sahaja.

2.2.2 Telah lengkap divaksin iaitu jemaah yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cormirnaty (PfizerBioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan

Covilo (Sinopharm)), jemaah berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau

- ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), jemaah berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

2.2.3 Berstatus *Low Risk* atau *Casual Contact Low Risk* dalam MySejahtera.

2.2.4 Jemaah muslimat dibenarkan.

2.2.5 Jemaah yang mempunyai gejala seperti batuk, sakit tekak, selesema dan sesak nafas tidak dibenarkan masuk.

2.2.6 Jemaah dengan suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius adalah tidak dibenarkan masuk.

2.2.7 Pemastautin Tetap (PR) yang dikenalpasti tempat tinggalnya oleh pengurusan masjid dan surau serta melazimi solat berjemaah di masjid dan surau adalah dibenarkan.

2.2.8 Pegawai dan kakitangan kedutaan negara asing dibenarkan hadir untuk solat Jumaat.

2.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Kariah Masjid & Surau

2.3.1 Mengaktifkan Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pemantauan SOP bagi memastikan SOP dipatuhi oleh semua jemaah;

2.3.2 Mengadakan petugas secukupnya di kaunter

pendaftaran bagi pemeriksaan kawalan;

- 2.3.3 Membenarkan jemaah berstatus *Low Risk* atau *Casual Contact Low Risk* dalam MySejahtera dan telah lengkap divaksin sahaja untuk masuk ke dalam masjid dan surau;
- 2.3.4 Membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selesema dan sesak nafas. Tidak membenarkan jemaah dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala masuk;
- 2.3.5 Menyediakan kemudahan kod QR MySejahtera;
- 2.3.6 Memastikan pematuhan penjarakan fizikal 1.5 meter;
- 2.3.7 Melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wuduk secara kerap;
- 2.3.8 Memastikan jemaah membawa dan menggunakan sejadah sendiri;
- 2.3.9 Menyediakan kemudahan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan memastikan penggunaannya oleh jemaah di pintu masuk masjid dan surau;
- 2.3.10 Menyediakan sabun secukupnya untuk kegunaan jemaah di tempat wuduk dan bilik air; dan
- 2.3.11 Melaksanakan semua langkah kawalan bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

2.4 Tanggungjawab Imam dan Bilal bertugas

- 2.4.1 Wajib memakai pelitup muka semasa bertugas;

- 2.4.2 Wajib membawa dan menggunakan sejadah sendiri;
- 2.4.3 Membuat pemeriksaan suhu badan;
- 2.4.4 Membuat pendaftaran menggunakan aplikasi MySejahtera;
- 2.4.5 Menggunakan pensanitasi tangan; dan
- 2.4.6 Tidak dibenarkan hadir bertugas jika bergejala.

2.5 Tanggungjawab jemaah

- 2.5.1 Wajib memakai pelitup muka. Digalakkan untuk memakai pelitup muka berganda (*double face mask*);
- 2.5.2 Berwuduk sebelum hadir ke masjid atau surau;
- 2.5.3 Membawa sejadah sendiri yang bersaiz standard;
- 2.5.4 Membuat pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera;
- 2.5.5 Menunjukkan status risiko dan status vaksinasi COVID-19 di aplikasi MySejahtera kepada petugas;
- 2.5.6 Menggunakan pensanitasi tangan ketika hadir dan pulang;
- 2.5.7 Mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal ketika masuk dan keluar;
- 2.5.8 Melaksanakan penjarakan fizikal di dalam dan luar masjid dan surau, sejauh 1.5 meter antara satu sama lain;
- 2.5.9 Elakkan bersalaman sesama yang hadir;

2.5.10 Tidak bersesak di dalam tandas atau mana-mana ruang di masjid dan surau; dan

2.5.11 Meningkatkan kawalan sendiri.

2.6 Program Wilayah Persekutuan Bermunajat

Program Wilayah Persekutuan Bermunajat hendaklah diadakan selepas solat Maghrib berselang-seli dengan kuliah Maghrib. Jemaah yang telah selesai solat Maghrib dan menunggu solat fardu Isyak hendaklah berada di tempat solatnya sehingga solat Isyak didirikan.

2.7 Solat hajat dan doa munajat

Semua masjid dan surau dikehendaki melaksanakan solat sunat hajat dan membaca doa munajat selepas solat Jumaat pada setiap Jumaat.

2.8 Aktiviti pengimarahannya

Masjid dan surau dibenarkan untuk melaksanakan semua aktiviti pengimarahannya seperti Kuliah Maghrib, Kuliah Subuh, Kuliah Dhuha, Kuliah Zohor, Tazkirah Sebelum Solat Jumaat, Tadarus Al-Quran, Kuliah Muslimat, Bacaan Yasin, Tahlil, Program Zikir Munajat dan Doa.

2.9 Ruang solat musafir

2.9.1 Ruang solat bagi musafir, pemandu teksi, pemandu *e-hailing*, penghantar makanan, penghantar barang atau sesiapa yang berkeperluan perlu disediakan meliputi jemaah lelaki dan perempuan.

2.9.2 Laluan khas masuk (akses) hendaklah disediakan.

2.10 Jamuan

Sebarang jamuan dalam masjid dan surau adalah tidak dibenarkan. Penyediaan makanan dalam bentuk bungkusan (*pack-food*) untuk dibawa pulang adalah dibenarkan.

3. KUAT KUASA

- 3.1 Ketetapan ini **berkuat kuasa mulai Jumaat, 01 Oktober 2021 bersamaan 24 Safar 1443** sehingga ke suatu tempoh yang akan ditetapkan oleh Jabatan ini dari semasa ke semasa.
- 3.2 Garis panduan ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

**Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Merangkap Setiausaha
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**